

20 FEB 2003

Mahathir-Agama

KURIKULUM MATA PELAJARAN AGAMA ISLAM DIKAJI UNTUK DIPERKUKUH

KUALA LUMPUR, 20 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kurikulum mata pelajaran agama Islam perlu dikaji semula bagi diperkukuhkan dengan tumpuan kepada perkara-perkara asas dalam ajaran Islam dan bukannya penekanan kepada perkara sampingan.

Perdana Menteri berkata didapati banyak daripada ajaran Islam tidak diberi tumpuan atau penekanan dalam pelajaran yang disampaikan kepada murid-murid.

"Kita bincang ini dengan mendalam dan kita dapati bahawa tumpuan yang diberikan ialah kepada perkara yang bukan menjadi asas tetapi perkara sampingan dalam agama Islam," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini hari ini.

Sebagai contoh, Dr Mahathir berkata, tumpuan diberi kepada hal pakaian seperti sama ada kopiah putih atau kopiah hitam dianggap lebih utama dalam Islam, daripada ajaran mengenai ibadat-ibadat yang diwajibkan oleh Islam.

"Akibatnya murid-murid tidak mendapat manfaat sepenuhnya daripada pembelajaran agama Islam di sekolah dan juga apabila mereka dewasa," katanya.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, berkata isi kandungan pelajaran agama Islam yang diajar di sekolah kebangsaan akan memberi tumpuan kepada perkara-perkara asas dalam Islam.

"Dalam pada itu kita anggap pelajaran bahasa Arab bagi mereka yang ingin mengkhusus dalam bidang agama dimulakan lebih awal tetapi ini akan diberi pertimbangan semasa kita membentuk susunan (kurikulum) baru bagi pelajaran agama sekolah kebangsaan," katanya.

Menjawab soalan, beliau berkata kerajaan akan turut mengkaji pendekatan pendidikan agama Islam yang diamalkan di Johor selain kandungan mata pelajaran agama Islam.

"Kita akan kaji semula kurikulum untuk memastikan pelajaran agama Islam lebih berkesan dalam membentuk peribadi Islam dalam dan kehidupan cara Islam. Apabila seseorang belajar agama Islam, dia akan menjadi manusia yang baik dan berjaya," kata Dr Mahathir.

Beliau juga berkata dalam seruan azan yang bukan saja mengajak umat menunaikan solat tetapi juga mengajak mereka menuju kejayaan, tetapi telah ditafsirkan dengan terhad oleh golongan tertentu sebagai seruan ke arah kejayaan dalam solat semata-mata.

"Ia mengajak kepada kejayaan dalam kehidupan kita tetapi orang ini mentafsirkan kejayaan itu dengan cukup terhad iaitu kejayaan dalam sembahyang saja," katanya.

Dr Mahathir berkata MT juga bangga dengan kejayaan Puteri Umno mengadakan perhimpunan baru-baru ini dan semua pihak termasuk ketua-ketua Umno bahagian perlulah menerima hakikat bahawa baik Puteri, Wanita mahupun Pemuda Umno adalah sebahagian daripada Umno dan berperanan menjayakan perjuangan Umno.

Beliau mahu anggota Puteri Umno diberi latihan yang mencukupi dengan cara yang lebih berkesan.

-- BERNAMA

MNY AZH MAI